

Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam

Ashraf Md. Hashim

Abstract

This article is an indepth research on the method of the execution of whipping punishment under Islamic criminal law. The method applied under Islamic law is totally different than what has been practised under Malaysian law. The whipping punishment under Islamic law is not meant to severely injure a person physically, but it is meant to sufficiently deter him from committing a crime in the future and serve as an example and deterrent for the public from committing such similar crimes.

Hukuman sebat merupakan salah satu jenis hukuman yang utama di dalam undang-undang jenayah Islam. Secara umumnya,¹ ianya adalah hukuman mandatori bagi tiga kesalahan hudud yang berikut. Pertama, seratus kali sebatan bagi kesalahan zina yang dilakukan oleh pesalah yang belum pernah berkahwin secara sah (*ghayr muhsan*). Kedua, lapan puluh kali sebatan ke atas mereka yang melakukan kesalahan menuduh seseorang berzina (*al-qadhf*) tanpa saksi yang cukup. Ketiga, empat puluh kali sebatan (dan ada pendapat yang mengatakan lapan puluh kali sebatan) ke atas mereka yang didapati bersalah meminum arak. Selain dari tiga kesalahan yang tersebut, hakim juga boleh menggunakan budi bicaranya di dalam menjatuhkan hukuman sebat ke atas pesalah yang melakukan kesalahan takzir.

Mungkin ramai yang masih keliru dan menggambarkan bahawa kaedah sebatan di dalam Islam adalah sama sebagaimana yang dijalankan di dalam undang-undang jenayah Malaysia pada hari ini. Persoalan besar yang akan timbul ialah

bagaimanakah seorang pesalah (penzina misalnya) dapat menanggung seratus kali sebatan yang dikenakan ke atasnya, sedangkan secara adatnya, kesakitan akibat dari tiga atau empat kali sebatan di dalam undang-undang jenayah biasa sudah tidak tertanggung. Oleh itu, tujuan kajian ini dibuat adalah untuk memberi gambaran yang jelas dan terpeinci mengenai kaedah perlaksanaan hukuman sebat di dalam undang-undang jenayah Islam. Semoga ianya lebih difahami dan seterusnya dapat diterima oleh masyarakat sebagai hukuman yang wajar dikenakan ke atas mereka yang bersalah sebagai pengajaran kepada mereka dan masyarakat secara amnya.

Alat Yang Digunakan Di Dalam Hukuman Sebat

Para ulama bersepakat bahawa alat yang digunakan untuk menyebat di dalam setiap kesalahan hudud kecuali bagi kesalahan meminum arak adalah *al-sawt*.² Ibn Qudāmah menyatakan: “Sesungguhnya sebatan itu adalah dengan cemeti (*al-sawt*), tidak pernah kami ketahui adanya perselisihan pendapat di kalangan ilmuan tentang perkara ini melainkan di dalam kesalahan meminum arak.”³

Bagi kesalahan meminum arak, para ulama mempunyai pandangan yang berbeza mengenai alat yang boleh digunakan di dalam melaksanakan hukuman sebat. Sebahagian besar daripada mereka (*jamhūr*) yang terdiri dari ulama Ḥanafī, Mālikī dan sebahagian ulama Shāfi‘ī dan Ḥanbali berpendapat bahawa alat yang dibenarkan di dalam melaksanakan hukuman tersebut adalah cemeti sahaja, iaitu alat yang sama yang digunakan bagi menyebat pesalah di dalam kesalahan-kesalahan hudud yang lain.⁴ Pendapat ini diasaskan di atas sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Apabila didapati mereka meminum arak, maka hendaklah kamu menyebat mereka...”⁵ Ibn Qudāmah menyatakan bahawa apa yang dapat difahami secara langsung daripada arahan menyebat secara mutlak (tanpa menyebut alat) adalah dengan menggunakan cemeti, kerana ini adalah alat yang biasa digunakan.⁶ Pendapat ini dikuatkan lagi dengan amalan para sahabat yang menggunakan cemeti sebagai alat untuk menyebat yang dirumuskan sebagai ijmak di kalangan mereka.⁷

Namun dalil yang diasaskan di atas ijmak sahabat ini tidak dipersetujui oleh al-Nawawī dan al-Māwardī yang menyatakan bahawa ianya tidak layak dirumuskan sebagai ijmak kerana bertentangan dengan hadith-hadith yang sahih (yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. juga telah menggunakan alat yang lain untuk menyebat peminum arak). Bagi mereka, amalan para sahabat itu adalah diasaskan kepada ijтиhad mereka sendiri setelah melihat adanya mereka yang mempermainkan hukuman tersebut (apabila digunakan alat selain dari cemeti).⁸

Pendapat yang sahih di dalam mazhab Shāfi‘ī pula menyatakan bahawa selain daripada cemeti, alat-alat yang lain juga boleh digunakan untuk menyebat peminum arak. Ini juga merupakan pandangan sebahagian dari ulama Hanbali. Antara alat-

Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam

alat yang dimaksudkan adalah hujung-hujung kain (*atrāf al-thiyāb*)⁹, sepatu (*al-ni'āl*) dan juga pelelah tamar (*al-jarīd*).¹⁰ Pendapat ini didasarkan kepada beberapa hadith yang menceritakan bahawa peminum arak telah disebat di zaman Rasulullah dengan menggunakan alat-alat yang tersebut di atas.¹¹ Antaranya sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah yang bermaksud: “Telah datang kepada Nabi s.a.w. seorang lelaki yang telah (disabitkan) meminum arak. Maka Rasulullah s.a.w. mengarahkan agar ia dipukul. Kata Abū Hurayrah: Ada di antara kami yang memukulnya dengan tangan, ada juga yang memukulnya dengan sepatu dan pakaian...”¹² Hadith ini dan yang seumpamanya menunjukkan bahawa peminum arak telah dipukul di zaman Rasulullah s.a.w. dengan berbagai alat selain cemeti dan tidak ada dalil yang menunjukkan bahawa hukum ini telah dimansuhkan. Oleh itu hukum harus memukul dengan alat-alat tersebut adalah kekal.¹³

Ibn Qudāmah menyangkal dalil di atas dengan menyatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah itu adalah di peringkat awal hukuman sebat ke atas peminum arak diwajibkan. Selepas dari itu telah sabit bahawa Rasulullah s.a.w. dan para sahabat telah menjalankan hukuman sebat (yang secara zahirnya difahami dengan menggunakan cemeti) ke atas peminum arak. Oleh itu hukum yang akhir (menggunakan cemeti) adalah hukum yang kekal.¹⁴

Pendapat yang ketiga di dalam masalah ini ialah tidak harus memukul peminum arak dengan cemeti. Alat-alat yang dibenarkan hanyalah sebagaimana yang tersebut di atas. Ini adalah pendapat Abū Ṭayyib,¹⁵ seorang alim di dalam mazhab Shāfi‘ī.¹⁶ Pendapat ini bersandarkan kepada hadith-hadith yang memberi gambaran tentang apa yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w., yang mana tidak disebut di dalamnya bahawa peminum arak telah disebat dengan menggunakan cemeti.

Setelah diteliti pendapat-pendapat yang dibentangkan, dapatlah disimpulkan bahawa pendapat yang terkuat ialah yang mengutarakan bahawa harus menyebat peminum arak dengan cemeti dan juga dengan alat-alat lain yang tersebut di atas. Ini kerana mereka memiliki hujah yang amat kuat iaitu hadith-hadith yang menceritakan tentang apa yang berlaku di zaman Rasulullah. Tambahan pula tidak ada dalil yang kuat menunjukkan bahawa penggunaan alat untuk menyebat selain dari cemeti telah dimansuhkan. Di samping itu, golongan ini juga mengiktiraf pandangan dan ijтиhad sahabat yang menggunakan cemeti untuk menyebat selepas zaman Rasulullah s.a.w. Dengan ini mereka memperakarkan kedua-dua bentuk dalil (menggunakan cemeti dan alat-alat yang lain), yang mana ianya lebih baik (*awlā*) dari beramal hanya dengan satu bentuk dalil dan meninggalkan yang lain tanpa alasan kukuh. Namun begitu, demi untuk menyeragamkan kaedah hukuman sebat dijalankan, dicadangkan agar dipilih cemeti sebagai alat sebatan tanpa menafikan bahawa penggunaan alat-alat lain juga adalah harus.

Spesifikasi Cemeti Yang Digunakan Di Dalam Hukuman Sebat

Antara hadith yang menerangkan mengenai spesifikasi cemeti adalah yang diriwayatkan bahawa seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan mengaku telah melakukan zina. Maka Rasulullah s.a.w. meminta agar cemeti dibawa kepadanya. Lalu dibawa datang cemeti lama yang telah hancur. Rasulullah lalu meminta cemeti lain yang lebih baru. Dibawa datang pula cemeti yang terlalu baru dan belum dibuang lebihannya. Rasulullah lalu meminta cemeti lain yang lebih lama. Lalu dibawa kepada baginda cemeti yang tidak terlalu baru atau lama, maka Rasulullah s.a.w. mengarahkan agar pesalah tersebut disebat dengan cemeti tersebut.¹⁷ Hal yang sama juga berlaku kepada ‘Umar bin al-Khattāb apabila beliau meminta cemeti yang tidak terlalu lama atau baru untuk digunakan sebagai alat sebatan.¹⁸ Anas bin Mālik menceritakan bahawa beliau pernah diarahkan pada zaman Saidina ‘Umar untuk menyediakan cemeti. Lalu dicarinya cemeti, dibuang lebihan-lebihan yang ada dan dihimpitkan antara dua batu agar ianya menjadi sedikit lembut.¹⁹

Daripada hadith dan *athar* di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa saiz (ukur lilit) cemeti tersebut hendaklah sederhana, tidak terlalu besar dan juga tidak terlalu kecil. Ianya juga bukanlah dari kulit yang terlalu baru yang boleh memberi kecederaan kepada pesalah, ataupun dari kulit yang terlalu lama (reput) yang tidak memberikan kesakitan kepada pesalah apabila disebat. Hendaklah juga dipastikan bahawa cemeti itu berada di dalam keadaan yang baik, tidak terbelah, koyak atau mempunyai lebihan-lebihan (*atrāf*) yang belum dibuang dan dilicinkan.²⁰

Sifat (Kekuatan) Sebatan

Para ulama bersepakat bahawa sebatan yang dilakukan hendaklah sederhana, iaitu tidak terlalu kuat sehingga mencederakan pesalah atau terlalu perlahan sehinggakan ia tidak merasa apa-apa kesakitan.²¹ Untuk memastikan bahawa sifat sebatan yang dinyatakan di sini dapat dicapai, beberapa syarat telah digariskan oleh para ulama, iaitu:

Pertama, hendaklah dipastikan agar tukang sebat (*al-jallād*) tidak mengangkat tangannya terlalu tinggi hingga melepas kepala dan menampakkan ketiaknya kerana ini akan menyebabkan sebatan yang dilakukan adalah terlalu kuat, atau sebaliknya terlalu dirapatkan lengannya lalu disebat dari bawah ke atas yang menyebabkan sebatan yang dilakukan terlalu lemah. Perkara ini telah dinyatakan oleh ulama Ḥanafī, Shāfi‘ī dan Ḥanbali.²²

Kedua, hendaklah dipastikan apabila cemeti mengenai badan pesalah, ianya tidak ditarik dengan cara yang boleh menyebabkan hujung cemeti tersebut melalui dan melibas badan pesalah sekali lagi. Ini kerana perbuatan yang seumpama ini

Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam

boleh menyebabkan kecederaan. Tambahan pula hakikatnya setiap satu sebatan itu adalah dua sebatan yang pada akhirnya akan membawa kepada jumlah sebatan yang lebih dari yang sepatutnya. Perkara ini telah ditegaskan oleh ulama Ḥanafī.²³

Ketiga, sebatan hendaklah dilakukan berturut-turut sehingga mendatangkan kesakitan (bukan kecederaan) kepada pesalah. Ini adalah untuk memastikan bahawa matlamat utama perlaksanaan hukuman tersebut dijalankan iaitu sebagai pengajaran dan teladan kepada pesalah dan orang lain akan dapat dicapai. Perkara ini dinyatakan oleh Ḥanafī, Mālikī dan Shāfi‘ī.²⁴

Bagi tukang sebat itu sendiri, disyaratkan bahawa ianya hendaklah seorang lelaki yang akil dan baligh. Beliau juga hendaklah berpengetahuan tentang cara sebatan dilakukan. Bahkan disyaratkan juga oleh sebahagian ulama bahawa tukang sebat ini secara fizikalnya bukanlah seorang yang terlalu kuat atau terlalu lembut dan lemah.²⁵

Bahagian-bahagian Badan Yang Boleh Disebat

Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa sebatan hendaklah dibahagi-bahagikan ke atas semua bahagian badan (tanpa memfokuskan ke atas satu sahaja bahagian badan), kecuali bahagian-bahagian yang tidak dibenarkan. Kaedah ini adalah wajib di dalam mazhab Ḥanafī dan Shāfi‘ī dan sunat di dalam mazhab Ḥanbalī. Disunatkan juga di dalam mazhab Ḥanbalī agar sebatan dibanyakkan di bahagian badan yang mempunyai banyak daging seperti di paha.²⁶ Telah diriwayatkan bahawa seorang lelaki yang mabuk telah dibawa kepada Saidina ‘Alī, lalu baginda mengarahkan agar dibahagi-bahagikan sebatan ke seluruh anggotanya kecuali muka dan kemaluan.²⁷ Hujah akal yang dibawa pula menyatakan bahawa tumpuan sebatan kepada satu bahagian sahaja boleh membawa kepada kecederaan, yang mana ianya tidak dibenarkan secara sepakat oleh ulama.²⁸

Para ulama Mālikī pula berpandangan bahawa anggota badan yang boleh disebat hanyalah belakang dan bahu sahaja.²⁹ Pendapat ini berdasarkan kepada zahir apa yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Hilāl bin Umayyah apabila beliau menuduh (*qadha*) isterinya curang: “Kemukakan bukti, atau *had* (dilaksanakan *had* dengan menyebat) di belakangmu.”³⁰

Pendapat yang lebih kuat di dalam masalah ini adalah pendapat yang pertama. Ini adalah kerana hadith yang dikemukakan oleh ulama Mālikī tidak menerangkan secara khusus bahawa anggota yang dibenarkan untuk disebat hanyalah di bahagian belakang. Tambahan pula di dalam hadith yang lain, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apabila menyebat salah seorang dari kamu saudaranya, hendaklah ia menjauhi dari menyebat muka dan kemaluan.”³¹ Apa yang dapat difaham dari hadith ini adalah harus menyebat anggota-anggota badan selain yang disebutkan.

Bahagian-bahagian Badan Yang Tidak Boleh disebat

Para ulama bersepakat bahawa sebatan tidak dibenarkan di muka, kemaluan atau bahagian-bahagian lain yang boleh membawa kepada maut seperti leher dan rusuk.³² Pendapat ini diasaskan kepada sabda Rasulullah s.a.w. di atas yang melarang sebatan dilakukan di bahagian-bahagian yang tersebut.

Sebahagian besar ulama (*jamhūr*) juga tidak membenarkan sebatan dilakukan di atas kepala. Ini adalah kerana kepala merupakan satu anggota yang sensitif dan dibimbangi sebatan di kepala akan menyebabkan ganguan akal atau anggota-anggota yang lain seperti mata dan telinga.³³

Manakala Abū Yūsuf dan sebahagian ulama Shāfi‘ī berpendapat bahawa harus menyebat di kepala, satu atau dua kali.³⁴ Pendapat ini didasarkan kepada apa yang dikatakan oleh Abū Bakr yang berbunyi: “Pukullah kepala, kerana di dalamnya ada syaitan.”³⁵

Apabila diteliti dengan mendalam kedua-dua pendapat tersebut, tidak ada perbezaan yang ketara di antara keduanya dari segi maksud sebatan. *Jamhūr* mengecualikan kepala kerana dibimbangi akan membawa kepada kecederaan. Begitu juga golongan yang membenarkan pukulan di kepala telah meletakkan syarat yang ketat agar pukulan tersebut tidak membawa kepada kecederaan. Abū Yūsuf hanya membenarkan pukulan dilakukan satu atau dua kali sahaja. Manakala sebahagian ulama Shāfi‘ī mensyaratkan kepala yang hendak disebat itu hendaklah mempunyai rambut dan disahkan oleh doktor bahawa ianya mampu menerima sebatan. Ini adalah semata-mata untuk mengelak kecederaan.³⁶ Untuk mengelak sebarang kemungkinan yang tidak diingini berlaku, adalah disarankan agar pendapat sebahagian besar ulama yang tidak membenarkan pukulan di kepala diterima pakai.

Keadaan Pesalah Ketika Hukuman Sebat Dijalankan

Terdapat tiga perkara yang boleh dibincangkan di sini iaitu keadaan pakaian pesalah, cara duduk pesalah dan adakah perlu ia diikat semasa hukuman sebat dijalankan.

Para ulama bersepakat bahawa pesalah tidak dibenarkan memakai pakaian tebal yang boleh menghalang dari sampainya kesan (sakit) sebatan.³⁷ Mereka juga bersepakat bahawa pesalah wanita hendaklah memakai pakaian nipis yang boleh menutup aurat mereka, bahkan disarankan oleh ulama Shāfi‘ī dan Hanbali agar pakaian mereka diikat supaya tidak terselak dan menampakkan aurat.³⁸

Manakala bagi pesalah lelaki pula, terdapat dua pandangan ulama di dalam hal ini. Pendapat pertama menyatakan bahawa pesalah lelaki hanya dibenarkan memakai pakaian yang menutup auratnya sahaja. Ini bermakna mereka disebat di

Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam

dalam keadaan tidak memakai baju. Ini adalah pendapat ulama Ḥanafī bagi kesalahan zina dan minum arak dan Mālikī bagi semua kesalahan hudud.³⁹ Alasan yang diberikan ialah dengan menyebat pesalah tanpa baju, ia akan mendapat kesakitan yang lebih dan seterusnya akan lebih memberi pengajaran kepada pesalah agar tidak mengulangi kesalahan yang dilakukan.⁴⁰ Tambahan pula, pada asasnya cemeti harus mengenai badan pesalah secara langsung.⁴¹

Pendapat kedua ialah pesalah lelaki hendaklah menutup aurat dan dibenarkan juga untuk memakai baju ketika hukuman sebat dijalankan. Ini adalah pendapat ulama Shāfi‘ī dan Hanbali.⁴² Pendapat ini diasaskan kepada apa yang dikatakan oleh Ibn Mas‘ūd: “Tidak dibenarkan di dalam umat ini mengikat (*al-rabṭ*), meneleltangkan di atas tanah (*al-madd*)⁴³ dan membuka pakaian (*al-tajrīd*)...”⁴⁴ Antara dalil akal yang diutarakan ialah Allah s.w.t. mengarahkan agar pesalah disebat, bukannya dibuka pakaian mereka. Tambahan pula, pakaian yang nipis tidaklah menghalang dari sampainya kesan sebatan ke tubuh pesalah.

Setelah diteliti kedua pendapat di atas, bolehlah disimpulkan bahawa pendapat kedua adalah lebih kuat. Ini kerana tiadanya dalil jelas yang menunjukkan pesalah lelaki harus membuka bajunya ketika hukuman sebat dijalankan. Tambahan pula, tidak ada bezanya mengekalkan pakaian nipis dengan membukanya dari segi kesan sebatan. Oleh itu, adalah lebih sopan untuk membenarkan pesalah memakainya.

Mengenai cara duduk pesalah ketika hukuman sebat dilaksanakan, ulama dari mazhab Ḥanafī, Shāfi‘ī dan Hanbali membezakan antara pesalah lelaki dan wanita. Pesalah lelaki hendaklah berdiri dan pesalah wanita dikehendaki duduk ketika hukuman dijalankan.⁴⁵ Mereka berhujah dengan kata-kata Saidina ‘Alī di atas yang menyatakan bahawa sebatan hendaklah dibahagi-bahagikan ke seluruh anggota badan kecuali muka dan kemaluan. Apa yang dapat difahami di sini ialah hanya dengan berdiri, sebatan dapat dijalankan ke seluruh anggota badan. Bagi wanita pula, ia dikehendaki duduk kerana bimbangkan akan terbuka auratnya.⁴⁶

Bagi ulama Mālikī pula, pesalah hendaklah disebat dalam keadaan duduk samada ianya lelaki mahupun wanita. Ini disebabkan tiada arahan yang jelas menuntut lelaki supaya berdiri ketika hukuman dijalankan.⁴⁷

Setelah menimbang kedua-dua pendapat di atas, bolehlah dikatakan bahawa pada asasnya adalah lebih baik bagi pesalah lelaki untuk berdiri ketika hukuman sebat dijalankan bagi mencapai tujuan membahagikan sebatan ke seluruh anggota badan. Bagi wanita pula, hendaklah duduk untuk menjaga auratnya. Di samping itu, keadaan pesalah juga harus diambil kira. Bagi yang tidak berkemampuan berdiri, maka harus baginya untuk duduk dan begitulah seterusnya. Ini adalah bertepatan dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Allah tidak membebankan ke atas seseorang itu melebihi keupayaannya.”⁴⁸

Para ulama bersepakat bahawa tidak dibenarkan melakukan perbuatan mengikat atau *al-madd*⁴⁹ ke atas pesalah ketika hukuman sebat dijalankan.⁵⁰ Walaubagaimanapun, Ibn al-Humām menegaskan bahawa harus untuk mengikat pesalah jika ia menggunakan anggotanya untuk menghalang hukuman sebat dijalankan.⁵¹ Pendapat ini adalah berdasarkan kepada kata-kata Ibn Mas‘ūd di atas.

Keringanan Di Dalam Pelaksanaan Hukuman Sebat

Hukuman sebat boleh ditangguh atau diringangkan pelaksanaannya apabila pesalah menghidapi penyakit yang menyebabkan ia tidak mampu menanggung kesakitan akibat dari pelaksanaan hukuman tersebut. Penyakit ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, penyakit yang tiada harapan untuk sembuh dan yang kedua, penyakit yang mempunyai harapan untuk sembuh.

Bagi pesalah yang mengidap penyakit yang tiada harapan untuk sembuh seperti sakit tua, para ulama berpendapat bahawa hukuman sebat tidak boleh ditangguhkan, cuma kaedah pelaksanaannya sahaja hendaklah diringangkan.⁵² Para ulama menyenaraikan beberapa kaedah bagaimana hukuman sebat boleh diringangkan cara pelaksanaannya. Antaranya ialah dengan memperlahangkan sebatan dengan cemeti sekadar yang boleh ditanggung oleh pesalah.⁵³ Jika pesalah masih tidak dapat menanggung kesakitan dari sebatan menggunakan cemeti, alatnya bolehlah ditukarkan kepada ranting-ranting kayu ataupun lebih-lebihan kain.⁵⁴ Jika kaedah inipun tidak dapat ditanggung, sejumlah lima puluh ranting-ranting kayu tadi bolehlah dihimpun dan diikat, kemudian pesalah disebat sebanyak dua kali dengan cara sebatan yang ringan (bagi pesalah yang dijatuhi hukuman sebat sebanyak seratus kali). Jika pesalah masih tidak dapat menanggungnya, bolehlah dihimpun seratus ranting-ranting kayu tadi dan pesalah disebat sekali dengan cara sebatan yang amat ringan.⁵⁵

Kaedah sebatan yang diringangkan seperti di atas adalah berdasarkan kepada suatu kes yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. di mana seorang lelaki yang sedang mengidap penyakit yang amat teruk (sehingga yang tinggal di tubuhnya hanyalah kulit dan tulang sahaja) telah membuat pengakuan bahawa beliau telah melakukan kesalahan zina. Rasulullah s.a.w. lalu mengarahkan agar dihimpunkan seratus ranting kayu lalu disebat lelaki tersebut sebanyak sekali sahaja.⁵⁶ Hukuman yang sama juga telah dijatuhkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam kes lain sebagaimana yang dilaporkan oleh Sa‘id bin Sa‘d bin ‘Ubādah.⁵⁷

Bagi penyakit yang ada harapan untuk sembuh seperti demam panas, sebahagian besar ulama berpendapat bahawa hukuman sebat hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga pesalah sembuh dari penyakit yang dihidapinya.⁵⁸ Pendapat ini bersandarkan kepada kisah yang diceritakan oleh Saidina

Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam

‘Ali mengenai arahan Rasulullah s.a.w. kepadanya supaya melaksanakan hukuman sebat ke atas seorang perempuan. Sebelum hukuman dilaksanakan, Saidina ‘Ali mendapati bahawa darah (nifas)⁵⁹ masih lagi keluar dari tubuh pesalah tersebut. Keadaan ini diceritakan kepada Rasulullah s.a.w. yang kemudian mengarahkan agar hukuman ditangguhkan sehingga darah nifas perempuan tersebut berhenti.⁶⁰ Kes ini memberikan gambaran yang cukup jelas bahawa hukuman sebat ke atas wanita yang dalam keadaan lemah kerana baru melahirkan anak dan masih lagi di dalam nifas hendaklah ditangguhkan. Maka begitu jugalah halnya dengan pesalah yang mengidap penyakit lain yang ada harapan untuk sembuh. Al-Māwardī pula menegaskan bahawa hanya terdapat tiga pilihan di dalam melaksanakan hukuman sebat ke atas pesalah yang berada di dalam keadaan di atas. Pertama, dengan melaksanakan juga hukuman terhadapnya dengan cara biasa sebagaimana ianya dilaksanakan ke atas pesalah yang sihat. Kedua, dilaksanakan juga, tetapi dengan cara yang lebih ringan sebagaimana ianya dilaksanakan ke atas pesalah yang mengidap penyakit yang tiada harapan untuk sembuh. Ketiga, ditangguhkan hukuman sehingga ianya sihat. Pilihan pertama tidak mungkin dapat dilaksanakan kerana ini akan memudaratkan pesalah melebihi yang sepatutnya. Pilihan kedua (dengan meringankan kaedah sebatan) juga tidak sepatutnya diambil kerana perlaksanaan hukuman sebat dengan cara biasa masih boleh dilakukan apabila pesalah sihat. Pilihan tunggal yang ada hanyalah yang terakhir iaitu dengan menangguhkan perlaksanaan hukuman sebat sehinggalah pesakit sembuh.⁶¹

Para ulama juga berpendapat bahawa hukuman sebat hendaklah ditangguhkan perlaksanaannya di dalam keadaan-keadaan lain yang boleh memudaratkan pesalah melebihi kadar yang sepatutnya. Contohnya di dalam keadaan cuaca yang teramat sejuk. Ini boleh memudaratkan pesalah yang tidak dapat menahan kesejukan yang melampau kerana beliau dikehendaki memakai pakaian yang nipis ketika hukuman sebat dijalankan.⁶²

Tempat Hukuman Sebat Dilaksanakan

Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa hudud tidak harus dilaksanakan di dalam masjid.⁶³ Ini berdasarkan kepada tegahan Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “*Jangan laksanakan hudud di masjid-masjid...*”⁶⁴ Namun begitu mereka tidak menyatakan dengan jelas di mana hukuman hudud patut dilaksanakan.

Setelah diteliti perbincangan ulama mengenai perkara ini, dapatlah disimpulkan bahawa hukuman hudud hendaklah dijalankan di mana-mana tempat yang boleh disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman (*tā’ifah min al-mu’mīnīn*). Hukum ini adalah berasaskan kepada tuntutan Allah s.w.t. yang bermaksud: “... dan hendaklah perlaksanaan hukuman mereka disaksikan oleh

*sekumpulan orang-orang yang beriman.*⁶⁵ Al-Kāṣāñī menjelaskan bahawa walaupun ayat ini menceritakan mengenai hukuman zina, namun kaedah perlaksanaannya adalah merangkumi juga kesalahan-kesalahan hudud yang lain kerana kesemua kesalahan ini dijalankan untuk memberi pengajaran dan iktibar kepada orang ramai. Maksud ini tidak akan terhasil melainkan ianya dijalankan di tempat yang boleh disaksikan oleh orang ramai.⁶⁶ Tuntutan perlaksanaan hukuman hudud di tempat yang sedemikian adalah sunat di dalam mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Shāfi‘ī⁶⁷ dan wajib di dalam mazhab Ḥanbali.⁶⁸

Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza di dalam menafsirkan berapakah bilangan minimum mereka yang sepatutnya hadir untuk menyaksikan hukuman hudud dijalankan untuk memenuhi tuntutan ayat di atas sebagai “sebahagian” (*iā’ifah*). Ada yang mengatakan bilangannya hendaklah melebihi dua orang,⁶⁹ tiga orang,⁷⁰ empat orang⁷¹ dan sepuluh orang.⁷² Namun pendapat yang lebih menarik untuk diterima pakai ialah pendapat yang diutarakan oleh al-Alūsī yang tidak menghadkan jumlah mereka yang hadir kepada bilangan yang tertentu. Yang penting, jumlah yang hadir hendaklah mencapai maksud hukuman hudud dijalankan iaitu sebagai pengajaran dan iktibar kepada orang lain agar tidak melakukan kesalahan yang sama.⁷³

Penutup

Daripadauraian dan perbincangan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa alat yang digunakan bagi menyebat pesalah ialah cemeti. Walaupun sedikit kelonggaran diberi bagi kesalahan meminum arak, adalah dicadangkan agar alat yang sama juga digunakan demi untuk menyeragamkan kaedah perlaksanaan hukuman sebat. Sifat cemeti yang hendak digunakan hendaklah tidak terlalu baru atau lama, berada di dalam keadaan yang baik, tidak terbelah, koyak atau mempunyai lebihan-lebihan yang belum dibuang dan dilicinkan.

Sebatan yang dilakukan juga hendaklah sederhana, tidak terlalu kuat atau perlakan. Beberapa garis panduan telah digariskan bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan betul. Sebatan hendaklah dibahagi-bahagikan ke seluruh anggota badan kecuali muka, kemaluan dan bahagian-bahagian lain yang boleh membawa kepada kecederaan maut.

Ketika hukuman dijalankan, pesalah lelaki dan wanita hendaklah memakai pakain tipis yang boleh menutup aurat mereka. Bagi pesalah lelaki, dibenarkan untuk memakai baju. Pada asasnya, pesalah lelaki hendaklah berdiri dan pesalah wanita dikehendaki duduk ketika hukuman dijalankan. Namun keadaan pesalah juga harus diambil kira. Bagi yang tidak mampu berdiri dibenarkan duduk dan begitulah seterusnya.

Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam

Bagi pesalah yang mengidap penyakit yang tiada harapan untuk sembuh, perlaksanaan hukuman sebat tidak boleh ditangguhkan, namun kaedah perlaksanaannya bolehlah diringankan mengikut keadaan pesalah. Bagi yang mengidap penyakit yang ada harapan untuk sembuh, hukuman sebat ke atasnya hendaklah ditangguhkan sehingga ia sihat. Hukuman sebat hendaklah dijalankan di mana-mana tempat yang boleh disaksikan oleh orang ramai kecuali di dalam masjid.

Di dalam Islam, hukuman sebat boleh dijatuhkan ke atas pesalah lelaki maupun wanita. Keadaan pesalah diberi perhatian yang utama sebelum hukuman dijalankan. Sesungguhnya hukuman sebat bukanlah bertujuan untuk membawa kemudaratan yang melampau kepada pesalah, sebaliknya ianya bermaksud untuk memberi pengajaran kepada pesalah dan orang lain dari mengulangi dan melakukan kesalahan yang sama.

Nota Hujung

1. Hukuman-hukuman ini secara amnya dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang beragama Islam. Bagi kesalahan meminum arak, ianya tidak dikenakan ke atas bukan Islam jika amalan ini tidak dilarang di dalam agama mereka. Bagi kesalahan zina, terdapat perbincangan yang panjang lebar di kalangan ulama samada hukuman yang sama juga boleh diguna pakai ke atas pesalah bukan Islam. Kertas ini bukanlah bertujuan untuk membincangkan mengenai perkara ini. Yang menjadi keutamaan hanyalah kaedah (secara teknikal dan terperinci) bagaimana hukuman sebat itu sendiri dijalankan.
2. *Al-Sawt* adalah alat yang digunakan untuk menyebat yang dibuat daripada kulit samada ianya dipintal ataupun tidak. Lihat: al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 4/ 189, *al-Mu'jam al-Wasit*, 463. Di dalam kertas ini *al-sawt* akan diterjemahkan sebagai cemeti.
3. Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, 10/333. Lihat juga: al-Kāṣānī, *Bādā'i' al-Sanā'i'*, 7/60; al-Ḥattāb, *Mawāhib al-Jalāl*, 6/318; al-Māwārdī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 13/435.
4. Ibn Nujaym, *al-Bahr al-Rā'iq*, 5/31; Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, 6/249; Ibn Qudamah, *ibid.*; al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, 2/287.
5. Abū Dawud, *Sunan Abī Dāwūd*, 4/263-264; al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 4/48.
6. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/334.
7. *Ibid.*

8. Al-Nawawi, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 11/218; al-Māwardī, *al-Ḥāwi al-Kabīr*, 13/415.
9. Yang dimaksudkan dengan hujung-hujung kain di sini adalah kain-kain yang telah dipintal terlebih dahulu. Lihat: al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 4/189; al-Ramli, *Nihāyah al-Muhtāj*, 8/15.
10. Al-Māwardī, *ibid.*, 13/413-414; al-Marḍawī, *al-Insāf*, 10/155-158.
11. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 12/66; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 11/215.
12. Al-Bukhārī, *ibid.*
13. Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī*, 12/66.
14. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/334.
15. Beliau adalah Muḥammad bin al-Mufaddal bin ‘Āsim al-Dabbi al-Baghdādī, salah seorang murid utama Ibn Surayj. Meninggal dunia pada tahun 308H. Lihat: al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 14/361-362.
16. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 4/189.
17. Mālik, *al-Muwatṭa'*, 4/146-147; al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8/326.
18. Al-Bayhaqī, *ibid.*
19. Ibn Abi Shaybah, *al-Muṣannaf*, 6/539.
20. Lihat: al-Kāṣanī, *Badā'i' al-Sanā'i'*, 7/60; Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 5/230-231; al-‘Adawī, *Hāshiyah al-‘Adawī*, 2/303; al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, 6/145; al-Ramli, *Nihāyah al-Muhtāj*, 8/17; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/334; al-Marḍawī, *al-Insāf*, 10/155.
21. Lihat: Ibn Nujaym, *al-Baḥr al-Rā'iq*, 5/10; al-Mawwāq, *al-Tāj wa al-Iklīl*, 6/318; al-Māwardī, *al-Ḥāwi al-Kabīr*, 13/435; Ibn Qudāmah, *ibid.*; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, 6/81.
22. *Ibid.*
23. Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9/72.
24. Ibn ‘Abidīn, *Hāshiyah Ibn ‘Abidīn*, 4/13; al-‘Adawī, *Hāshiyah al-‘Adawī*, 2/303-304; al-Ramli, *Nihāyah al-Muhtāj*, 8/19.
25. *Ibid.*, al-Mawwāq, *al-Tāj wa al-Iklīl*, 6/318.
26. Al-Kāṣanī, *Badā'i' al-Sanā'i'*, 7/59; al-Māwardī, *al-Ḥāwi al-Kabīr*, 13/437; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, 6/81.
27. Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8/327.
28. Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9/72.
29. Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, 6/243; al-Dāsūqī, *Hāshiyah al-Dāsūqī*, 4/354.

Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat Di Dalam Islam

30. Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8/449.
31. Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8/327.
32. Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9/72; al-Mawwāq, *al-Tāj wa al-Iklīl*, 6/318; al-Māwārdī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 13/437; al-Mardāwī, *al-Insāf*, 10/156.
33. Al-Sarakhsī, *ibid.*
34. *Ibid.*, al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj*, 8/17.
35. Ibn Abi Shaybah, *al-Muṣannaf*, 6/591.
36. Al-Sarakhsī, *ibid.*; al-Ramlī, *ibid.*
37. Ibn Nujaym, *al-Bahr al-Rā'iq*, 5/10; Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, 6/243; al-Qurtubī, *al-Kāfi*, 2/1070; al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 4/190; al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qinā'*, 6/80-81.
38. *Ibid.*
39. Al-Zayla‘ī, *Tabyīn al-Haqā'iq*, 3/170; Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, 6/243.
40. Ibn Nujaym, *al-Bahr al-Rā'iq*, 5/10.
41. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/333.
42. Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, 4/190; Ibn Qudāmah, *ibid.*
43. Selain dari makna di atas, perkataan *al-madd* juga bermaksud mengangkat cemeti melebihi kepala dan juga perbuatan menarik cemeti dengan cara yang boleh menyebabkan hujung cemeti tersebut melalui dan melibas badan pesalah sekali lagi. Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 5/232-233.
44. Al-Haithami mengatakan bahawa *athar* ini adalah daif. al-Haithami, *Majma‘ al-Zawa'id*, 6/253.
45. Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 5/232; Qalyubi, *Hāshiyah Qalyubi*, 4/204, Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/332.
46. Ibn Qudāmah, *ibid.*
47. Mālik, *al-Mudawwanah al-Kubrā*, 7/243; al-Mawwāq, *al-Tāj wa al-Iklīl*, 6/318.
48. Surah al-Baqarah, ayat 286.
49. Sebagaimana yang diterangkan lebih awal (nota 43), perkataan *al-madd* mempunyai tiga maksud dan kesemuanya adalah dilarang dilakukan ke atas pesalah.
50. al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9/72; al-Zayla‘ī, *Tabyīn al-Haqā'iq*, 3/171; al-Mawwāq, *ibid.*; al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, 2/270; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/333.
51. Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 5/223.

52. Al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqiq*, 3/174; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 4/154; Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/137-138.
53. Ibn Nujaym, *al-Bahr al-Rā'i*, 5/11.
54. *Ibid.*, al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 4/154.
55. Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 5/245; al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, 2/270, al-Bahūtī, *Kashshaf al-Qinā'*, 6/82.
56. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, 4/615. Al-Albānī menyatakan bahawa ini adalah hadith yang sahih. Al-Albānī, *Sahih Sunan Abī Dāwūd*, 4/846.
57. Lihat, Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, 2/859; Ibn Ḥanbal, *Musnad Ibn Ḥanbal*, 5/281-282.
58. Al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 9/100; al-'Adawi, *Hashīyah al-'Adawi*, 2/304; al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 12/213; al-Mardawī, *al-Insāf*, 10/158.
59. Ditafsirkan oleh al-Sarakhsī sebagai darah nifas dan bukan haid, kerana wanita yang datang haid dikategorikan sebagai seorang yang sihat dan tidak memerlukan kepada penangguhan hukuman sebat. Al-Sarakhsī, *ibid.*
60. Muslim, *Sahīḥ Muslim*, 11/214.
61. Al-Māwardī, *al-Hāwi al-Kabīr*, 13/213-214.
62. Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 5/245; al-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*, 7/434; al-Bahūtī, *Kashshaf al-Qinā'*, 6/82.
63. Al-Kāṣānī, *Badr'i' al-Sanā'i'*, 7/60; al-Shirāzī, *al-Muhadhdhab*, 2/287.
64. Al-Tarmidhī, *Sunan al-Tarmidhī*, 4/19.
65. Surah al-Nūr, ayat: 2.
66. al-Kāṣānī, *Badr'i' al-Sanā'i'*, 7/60-61.
67. *Ibid.*, Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid*, 2/438; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 4/152.
68. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 10/133.
69. al-Mardawī, *al-Insāf*, 10/162.
70. Pendapat ini dinyatakan oleh al-Zuhri. Lihat, Ibn al-Humām, *Sharḥ Fath al-Qadīr*, 5/224.
71. Ini adalah pendapat Imām Mālik dan Shāfi'i. Lihat, al-Hattāb, *Mawāhib al-Jalāl*, 6/295; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, 4/152.
72. Ini adalah pendapat al-Hasan al-Basrī. *Ibid.*
73. al-Alusi, *Ruh al-Ma'ani*, 18/84.